UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

PROF. DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

**Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5**
**Tarikh : 28 Oktober 2024**

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 40/2024**

**Semua Dekan/Pengarah**
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**KEMUDAHAN SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN SEMPENA PERAYAAN DEEPAVALI**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas serta pekeliling Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 26 Oktober 2024 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan pekeliling tersebut, pihak UKM bersetuju memberi kemudahan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian/hibrid khusus kepada pelajar serta pengajar beragama Hindu di UKM bagi meraikan sambutan Perayaan Deepavali. Kemudahan sesi PdP ini **akan bermula pada 28 hingga 30 Oktober 2024 (Isnin hingga Rabu) dan juga pada 1 November 2024 (Jumaat)**.

3. Pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan pelajar dan pengajar beragama Hindu untuk meraikan sambutan Deepavali bersama keluarga masing-masing.

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**"Selamat Menyambut Hari Deepavali"**

Sekian.

Yang benar,

**PROF. DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

s.k.: - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM

- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
- Pendaftar, UKM
- Penasihat Undang-Undang, UKM
- Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)
- Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

**PEJABAT NAIB CANSELOR**
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89215016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori